

# Anwar terharu sambutan Jokowi

BH - 10/1/2023 w/e: 3

---

PM jamin  
hubungan dua  
negara akan  
lebih kukuh,  
berkembang maju

---

**Jakarta:** Datuk Seri Anwar Ibrahim amat menghargai sambutan hangat yang diberikan Presiden Joko Widodo sepanjang lawatan rasmi pertama beliau ke Indonesia.

Mengakui amat terharu dengan layanan diberikan, Perdana Menteri berkata, hubungan

kedua-dua negara akan lebih kukuh dan terus berkembang maju pada masa depan.

Katanya, lawatan ini walaupun singkat, sudah diatur dengan sangat baik sekali.

“Saya percaya pertemuan yang besar maknanya ini akan membuka lembaran baru dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia,” katanya dalam pernyataan bersama dengan Jokowi selepas sambutan rasmi dan pertemuan di Istana Bogor, semalam.

Beliau amat menghargai sambutan dan layanan istimewa daripada Presiden Jokowi dan Pemerintah Indonesia kepada delegasi dalam lawatan sulungnya keluar negara.

Anwar juga berkata, dalam pertemuan itu mereka berbilang secara terbuka dan berlapang dada mengenai beberapa isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang menjadi keutamaan kepada Malaysia dan Indonesia.

## PM hadir forum khas

Perdana Menteri mengakhiri lawatan dua hari ke Indonesia dengan menghadiri Forum Kepimpinan CTCORP anjuran pengasas dan pengerusinya, Chairul Tanjung yang turut disiarkan oleh *CNN Indonesia*.

Beliau kemudian menghadiri program temu bual khas dengan stesen televisyen itu sebelum berlepas pulang.